sebanyak 124,068 kematian dan kehilangan sebanyak 112,343 orang. Kejadian tsunami juga mengakibatkan kerosakan seluas 120,000 hektar kawasan persisiran pantai akibat limpahan air laut (BNPB, 2005; Matsumaru, Nagami & Takeya, 2012).

Selepas berlaku gempa bumi dan tsunami pada 26 Disember 2004, gempa bumi susulan dengan kekuatan sehingga 8.7 skala Richter berlaku lagi di Banda Aceh. Gempa bumi ini memburukkan lagi keadaan infrastruktur di Aceh, terutamanya rumah penduduk. Gegeran gempa bumi susulan ini termasuk dalam kategori gempa bumi yang kuat. Berdasarkan rekod data, jumlah rumah yang musnah dianggarkan sebanyak 120,000 unit dan rumah yang rosak sebanyak 70,000 unit di seluruh kawasan Aceh (BRR NAD Nias, 2008a). Impaknya telah menggemparkan masyarakat berhampiran pusat gempa bumi (MTU, 2007).

Infrastruktur dan perumahan mempunyai peranan yang penting dalam menyokong usaha untuk mengembangkan kehidupan masyarakat dan kawasan. Berkenaan pengembangan kehidupan masyarakat, infrastruktur berperanan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi masyarakat menerusi keberkesanan dalam bidang pengeluaran, pengangkutan, komunikasi, dan transaksi (Masriadi, 2011; KPKT, 2013). Peranan infrastruktur juga adalah penting dan berhubung kait dalam menyokong pembentukan sosial kemasyarakatan, antaranya untuk mewujudkan persekitaran kawasan penempatan yang sihat dan berbudaya, serta dapat memberikan keselesaan. BRR NAD Nias (2008a) mencatatkan bahawa di Aceh sehingga April 2008, sebanyak 111,995 unit rumah dan 809 pakej prasarana asas kawasan penempatan telah dibaik pulih manakala 5,325,554 Ha (hektar) keluasan tanah diperuntukkan untuk kawasan penempatan semula dan pejabat. Bantuan Sosial Perbaikan Rumah (BSPR) diberikan kepada 50,081 ketua keluarga. Sebanyak 16,874 unit rumah pula telah diperuntukkan khusus di Banda Aceh. Kini selepas sepuluh

tahun kejadian tsunami, sebahagian besar bangunan-bangunan yang dibina kembali sudah dibaik pulih dengan baik dan kelihatan teratur. Namun begitu, ada antara rumah yang diperuntukkan tidak dihuni oleh penduduk bahkan ada yang terbengkalai, serta kekurangan kemudahan sokongan. Permasalahan ini berkait rapat dengan keselesaan dan rasa cemas masyarakat terhadap bencana yang mungkin akan terjadi lagi pada bila-bila masa (Nizar, 2014). Menurut Chiara dan Koppelman (1997), tapak untuk perumahan perlu memenuhi beberapa syarat, iaitu: a) tapak bangunan yang menarik, sesuai dan hemat, b) menawarkan keselamatan, keselesaan dan berfungsi dengan baik, c) mengekalkan sifat semula jadi tapak bangunan dan sesuai dengan persekitaran.

Kesan lain terhadap wilayah selepas bencana alam adalah perpindahan keluar sesetengah penduduk ke kawasan yang lebih selesa dan memiliki infrastruktur yang lebih baik. Perpindahan penduduk ini juga diikuti oleh pelabur ekonomi bagi menjalankan aktiviti perniagaan di daerah yang tidak terjejas dengan bencana. Perkara ini akan menyebabkan perubahan dalam masyarakat tempatan seperti kenaikan harga tanah, kapasiti infrastruktur dan konflik sosial yang lain.

Persaingan penggunaan tanah adalah selari dengan kaedah *the highest and best use of land*. Hal ini bermakna penggunaan tanah bagi aktiviti yang berpengeluaran rendah digantikan dengan aktiviti yang berpengeluaran tinggi (Bracken, 2008). Permintaan terhadap tanah selalunya meningkat, justeru kegiatan pembangunan terutamanya bagi perumahan sering diwarnai dengan masalah keterbatasan tanah. Keluasan tanah tidak bertambah sedangkan keperluan akan terus meningkat sehingga menyebabkan permintaan lebih tinggi berbanding bekalan. Pembinaan kawasan penempatan di wilayah yang tidak sesuai akan menjejaskan persekitaran dan juga jiwa manusia sebagai penghuni kawasan penempatan tersebut.


Berdasarkan hakikat tersebut, maka selari dengan perubahan masa, masalah keterbatasan tanah untuk pembangunan menjadi semakin kritikal, terutamanya untuk kawasan penempatan. Keadaan sedemikian menjadi asas untuk pelaksanaan kajian yang lebih terperinci tentang kesesuaian tanah bagi pembangunan perumahan berdasarkan ciri-ciri fizikal persekitaran Banda Aceh. Selain itu, bencana alam seperti gempa bumi, tsunami dan banjir turut dikaji untuk mendapatkan gambaran yang lebih terperinci impaknya bagi aktiviti pelaburan bandar. Hal ini dilakukan memandangkan Banda Aceh berada di garis sesar gempa bumi dengan topografi landai dan berkemungkinan tinggi dilanda tsunami dan banjir. Tsunami di Aceh membuktikan bahawa bencana mungkin akan menimpa manusia pada bila-bila masa. Justeru, yang penting ialah usaha untuk meminimumkan risiko bencana alam tersebut kerana adalah mustahil untuk mengelak bencana sepenuhnya. Selanjutnya, Srinivas dan Nakagawa (2008) berpendapat bahawa kita harus mengambil pengajaran daripada bencana sebagai peluang untuk mempersiapkan diri dengan lebih baik untuk bencana pada masa akan datang.

Kajian ini akan merungkai permasalahan, terutamanya untuk menjawab persoalan tentang kesesuaian tanah untuk kawasan penempatan pada masa kini di Banda Aceh selepas tsunami pada tahun 2004. Hal ini dirasakan perlu kerana ia berkaitan dengan keselamatan penduduk dan pelaburan bandar bagi tempoh jangka pendek dan panjang. Kajian ini mempertimbangkan faktor fizikal persekitaran dengan mengambil kira bencana yang berkemungkinan terjadi. Kajian terus dilanjutkan dengan memperhatikan faktor implikasi sosial daripada masyarakat yang tinggal pada kawasan tidak sesuai untuk penempatan. Implikasi sosial diungkap berdasarkan pandangan, persepsi dan faktor yang mempengaruhi masyarakat setempat untuk tinggal di tempat tersebut. Yang terakhir ialah menjawab soalan tentang faktor yang

paling dominan untuk kesejahteraan masyarakat di samping menghasilkan model pengurangan bencana pada masa hadapan.

1.2 Isu dan Soalan Kajian

Banda Aceh sebagai bandar utama di Provinsi Aceh, merupakan salah satu bandar paling teruk terjejas akibat gempa bumi dan tsunami (Guswanto & Nugroho, 2005; Nugroho, 2005; RI, 2005). Kerosakan bangunan dan infrastruktur tersebut dianggarkan mencecah lima puluh peratus daripada kawasan Banda Aceh (Takahashi *et al.*, 2007). Hal ini adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.1. Bagi membaik pulih keadaan Aceh selepas tsunami, kerajaan/pemerintah Indonesia menubuhkan sebuah institusi khas yang diberi nama Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi Nanggroe Aceh Darussalam-Nias (BRR NAD-Nias, *Agency for the Rehabilitation and Reconstruction of Aceh and Nias*) untuk tempoh 16 April 2005 sehingga 12 Februari 2009. BRR NAD-Nias ialah suatu badan yang berperanan seperti kementerian negara yang ditubuhkan bagi menguruskan dan mentadbir kewangan, pemulihan dan pembinaan semula Aceh selepas gempa bumi dan tsunami. Sumber kewangan tersebut diperolehi dari dalam negara dan luar negara atau antarabangsa (RI, 2005).




Rajah 1.1: Peta Kerosakan Bangunan Akibat Gempa Bumi dan Tsunami di Banda Aceh

Jenis rumah, peringkat pembinaan dan nama program mengikut tempoh tahap pemulihan kawasan ditunjukkan seperti pada Rajah 1.2. Tempoh tiga bulan pertama selepas bencana 26 Disember 2004 disebut sebagai tahap kecemasan. Pada tahap ini, seluruh tenaga dikerahkan untuk menjaga mangsa yang selamat agar mampu menjalani kehidupan walaupun hanya dengan keperluan hidup yang paling asas. Pada masa ini tempat tinggal yang dibina masih berupa khemah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.3a. Selepas tahap kecemasan ialah tahap yang disebut sebagai tahap pemulihan. Secara umumnya, tahap ini melibatkan pemulihan fungsi perkhidmatan awam.

Perumahan yang dibina pada tahap pemulihan ini berupa *barracks* dan rumah sementara (*shelter*) seperti mana yang ditunjukkan pada Rajah 1.3b dan 1.3c. Tahap pemulihan berakhir pada Disember 2006. Awal tahun 2007 sehingga 2009 merupakan tahap pembinaan semula yang bertujuan untuk membangunkan kembali sistem kemasyarakatan, sistem ekonomi, prasarana, dan fungsi pentadbiran. Pada tahap ini banyak rumah yang dibina secara kekal pada tanah penduduk atau tanah yang diberikan oleh kerajaan. Berdasarkan klasifikasi rumah menurut Unterman dan Small (1994), jenis rumah yang paling banyak dibina ialah rumah teres tunggal (*detached*), manakala hanya ada sedikit rumah teres berkembar (*semi detached*) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.3g. Bentuk rumah teres tunggal (*detached*) yang dibina adalah berbeza-beza mengikut penaja. Hal ini dapat dilihat pada Rajah 13.d, 13.e dan 13.f yang menunjukkan bahawa model rumah yang dibina semula oleh IOM adalah berbeza dengan rumah yang dibina oleh Muslim Aid dan UPLINK.

Maklumat terperinci tentang pelaksana, jumlah, sumber dana, kontraktor, dan kos projek pada masa pembinaan semula dapat dilihat dalam laporan dengan tajuk Katalog Perumahan & Permukiman NAD–Nias (BRR NAD Nias, 2008b). Berdasarkan laporan tersebut, pembinaan semula rumah di Banda Aceh berjumlah

16,874 unit, iaitu 7,766 unit oleh kerajaan Indonesia melalui BRR dan 9,108 unit oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO, *non-government organization*) dan kerajaan antarabangsa.



Rajah 1.2: Garis Masa Tahapan Pemulihan Kawasan Selepas Tsunami di Aceh



Rajah 1.3: Bentuk, Jenis Rumah yang Dibina Kembali di Banda Aceh Selepas Tsunami (Ubahsuai dari Steinberg, 2007; Equilibrium, 2011; Perumnas, 2011; TzuChi, 2014)

Walaupun cadangan tersebut adalah baik, namun terdapat banyak masalah atau isu yang timbul dalam pelaksanaannya untuk menyediakan perumahan ini kerana pengurusan pemulihan bencana memerlukan masa yang sangat singkat, mangsa yang terbabit memerlukan tempat tinggal semula. Keadaan ini menimbulkan masalah atau isu bahkan sehingga hari ini. Isu tersebut dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama.

Isu yang pertama berkaitan dengan fizikal persekitaran. Isu ini wujud daripada kerosakan persekitaran yang teruk akibat bencana. Keadaan fizikal persekitaran belum bersedia tetapi keperluan untuk membina rumah adalah sangat mendesak. Setiap penderma dan NGO juga ingin segera menghulurkan bantuan untuk membina semula rumah mangsa yang terjejas akibat bencana. Keperluan yang mendesak dan jumlah penempatan semula banyak mengakibatkan kesuntukan masa untuk membuat perancangan yang baik. Oleh itu, ada rumah yang dibina kurang sesuai dengan kawasan persekitaran seperti contoh yang dapat dilihat pada Rajah 1.4. Rajah tersebut menunjukkan rumah hasil binaan semula di Kampung Deah Raya dengan persekitaran yang ditakungi air. Bagi sebuah kawasan penempatan keadaan ini tentu tidak memberi keselesaan kepada penduduknya. Rumah-rumah penempatan semula yang terbiar masih dapat dilihat sehingga hari ini seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.5.




Rajah 1.4: Rumah Kurang Bersesuaian dengan Persekitaran (Bintang, 2007)



Rajah 1.5: Rumah Penempatan Semula yang Terbiar pada Keadaan Semasa

Permasalahan persekitaran yang seterusnya ialah pelan pembinaan semula yang wujud tidak selari dengan pembinaan di kawasan tersebut. Asas pelan rancangan baru diumumkan dua tahun selepas tsunami iaitu tahun 2006 (BRR NAD Nias, 2006). Pelaksanaan pelan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana ada rumah yang sudah dibina atau sedang dibina. Bahkan rumah yang belum dibina sekalipun ada yang tidak bersesuaian dengan pelan seperti yang dapat dilihat pada pelan kawasan penempatan semula di Kampung Lamjabat (Rajah 1.6 dan Rajah 1.7). Perbandingan rajah tersebut memperlihatkan bahawa lokasi kawasan penempatan semula tidak mengikut pelan yang telah dibuat.



Rajah 1.6: Pelan Kawasan Penempatan Semula di Kampong Lamjabat (Ubahsuai dari BRR NAD Nias, 2006)



Rajah 1.7: Keadaan Semasa Kawasan Penempatan Tidak Dibina Mengikut Pelan

Hal ini terjadi kerana pada masa itu penduduk memerlukan tempat tinggal tetap secepat mungkin. Selain itu ada juga program bantuan modal bagi masyarakat untuk untuk memperbaiki sendiri rumahnya. Justeru, masyarakat cenderung membina rumah tanpa maklumat yang cukup dan memadai sehingga mencetuskan banyak masalah di

persekitaran kawasan penempatan. Aktiviti pembinaan kejuruteraan tapak adalah tidak selari dengan perancangan susun atur tapak seperti dalam pelan rancangan. Perkara ini akan memberi kesan kepada wilayah secara keseluruhan. Hasil kajian Boen, (2006, 2008) mendapati bahawa rumah berada dalam keadaan persekitaran yang tidak baik seperti pada Rajah 1.8. Antara penyebab keadaan persekitaran yang tidak baik ialah oleh kos yang rendah, perancangan dan pengawasan yang kurang baik di kawasan penempatan yang dibina semula (Potangaroa, 2006).



Rajah 1.8: Keadaan Persekitaran Kawasan Penempatan (Ubahsuai dari Boen, 2006, 2008)

Isu kedua berkait rapat dengan bencana yang pernah melanda Aceh. Majlis untuk memperingati tragedi gempa bumi dan tsunami diadakan pada tarikh 26 Disember setiap tahun di Banda Aceh (TsunamiAceh, 2014). Merujuk data *Shuttle Radar Topography Mission* (SRTM) Banda Aceh terletak pada delta dataran rendah (Takahashi *et al.*, 2007; NGA & NASA, 2013). Kenyataan ini menunjukkan bahawa Banda Aceh mudah ditimpa bencana alam seperti banjir. Berdasarkan rekod Badan Penanggulangan Bencana Daerah (BPBD) Kota Banda Aceh, banjir besar pernah terjadi pada tahun 1974, 1978, 1982 dan 2000 (BPBD, 2013). Bandar Banda Aceh juga sangat dipengaruhi oleh struktur geologi yang mengapitnya iaitu yang dikenali sebagai *Great Sumatran Fault* atau Semangko Fault (Badan Geologi, 1981). Secara amnya,

Sumatera berada pada garis sesar geologi. Keadaan ini meningkatkan risiko berlakunya gempa bumi yang mungkin mencetuskan kejadian tsunami. Aceh mengalami pergeseran garis pantai akibat gempa bumi dan tsunami sejauh kira-kira 27 m sehingga 46 m (Meilianda, 2009). Keadaan ini akan menyebabkan kenaikan paras air laut dari semasa ke semasa. Penurunan ketinggian kawasan juga boleh berlaku akibat gempa bumi dan tsunami (Trisakti *et al.*, 2006). Justeru, pembinaan kawasan penempatan perlu mengambil kira risiko berlakunya bencana yang mungkin berlaku pada bila-bila masa. Rusmawan (2006) turut mencadangkan agar rumah yang dibina semula harus mengambil kira faktor bencana yang pernah terjadi di kawasan tersebut. Hal ini diperlukan sebagai asas untuk kajian selanjutnya untuk menilai kawasan penempatan semasa dan peluang untuk mencari kawasan-kawasan yang kurang berisiko untuk dilanda bencana. Maklumat ini adalah berguna untuk merancang bandar yang lestari dan sangat diperlukan terutamanya di kawasan-kawasan yang telah dilanda bencana (Wu & Lindell, 2004; Birch & Wachter, 2006).

Fizikal persekitaran dan bencana sangat berkaitan dengan kawasan, geografi atau spatial. Analisis data spatial merupakan kemampuan asas dari pada teknologi GIS. Xu *et al.*, (2015) menyatakan bahawa GIS merupakan teknikal kaedah berdasarkan analisis spatial dari banyak faktor. Oleh itu GIS dapat digunakan di semua peringkat kitaran bencana. Sehingga dalam hal ini GIS boleh digunapakai dalam penentuan kawasan yang menjadi prioriti utama untuk menghadapi bencana, seperti mengenalpasti sumber bencana, latihan dan keupayaan yang dimiliki secara spesifik terhadap bahaya yang dijumpai dan untuk mengenal pasti kawasan bencana serta penempatan semula mangsa ke tempat yang selamat. Kawasan yang paling terdedah terhadap bencana menjadi prioriti utama dalam melakukan tindakan mitigasi.

Pelaksanaan GIS dalam program pemulihan dan pembinaan semula di Aceh NAD-Nias selepas bencana adalah dominan dan berjaya. SIM-C (*Spatial Information and Mapping Centre*) telah ditabuhkan oleh Jabatan Pembinaan Semula dan Pemulihan (BRR NAD-Nias) untuk memastikan proses pembinaan semula dengan penggunaan maklumat spatial dan teknologi. SIM-C adalah Pusat GIS beroperasi sepenuhnya memberi tumpuan untuk membekalkan semua agensi (organisasi kerajaan dan bukan kerajaan) yang bekerja di projek-projek pemulihan di Aceh dengan produk pemetaan untuk menyokong operasi mereka (NGIS, 2009). Semasa pemulihan dan pembinaan semula, permintaan yang tinggi bagi data dan sistem GIS oleh agensi-agensi yang bekerja di wilayah Aceh. Banyak agensi mempunyai kakitangan GIS sendiri serta jabatan khusus. Sebagai contoh, Jerman menubuhkan teknikal projek yang kerjasama bagi tadbir urus tempatan dan pembinaan semula mapan (GTZ-SLGSR) di Aceh, serta menyokong penubuhan pusat GIS di Aceh (ESRI, 2009). Hingga sekarang ini pusat GIS di Aceh terus kekal seperti *Aceh Geospatial Data Center* (AGDC), *GIS Center* Banda Aceh dan *GIS Center* Aceh Besar (AGDC, 2015).

Sebuah pembangunan fizikal memerlukan keseimbangan dengan pembangunan bukan fizikal. Pembangunan fizikal tidak akan berjaya apabila tidak diikuti dengan pembangunan bukan fizikal kepada masyarakatnya. Kajian bukan fizikal yang dilakukan di kawasan terdedah bencana merangkumi perkara seperti bantuan yang diterima, kepuasan masyarakat, perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan dan NGO, serta reka bentuk rumah penempatan semula (DRI, 2009; Courtland, Darusman & Sugianto, 2011; Dafrina, Ismail & Aulia, 2011). Rostam, Herman dan Nor (2009) menambah bahawa faktor pembaharuan suasana kejiranan penempatan semula perlu diambil kira juga. Hal ini berkait rapat dengan penyelesaian. Isu yang ketiga ini berhubung kait dengan implikasi sosial masyarakat terhadap

kawasan penempatan yang tidak bersesuaian. Hal ini terjadi kerana ramai orang yang kembali membina kawasan-kawasan yang terjejas akibat bencana, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.9.



Rajah 1.9: Perbandingan Bandar Masa Bencana dan Selepas 10 Tahun Bencana (Ubahsuai dari Guardian, 2015)

Keadaan persekitaran dapat menyokong kehidupan dan mempengaruhi keputusan bagi mendiami suatu kawasan, khususnya yang berkaitan dengan akses kepada sumber kehidupan. Apabila ia berada dalam keadaan yang memuaskan, maka penduduk akan membangunkan aspek-aspek sosiobudaya yang terdapat di kawasan tersebut yang seterusnya akan mencerminkan tahap tamadun penduduknya. Perkara ini akan sentiasa berubah mengikut perubahan penduduk melalui proses-proses ekonomi, sosial dan budaya dan ia akan terwujud dalam kualiti fizikal persekitaran kediaman.

Sepuluh tahun selepas bencana tsunami berlaku, persoalan mengenai kawasan penempatan masih belum selesai terutama set minda masyarakat kepada lasas pembinaan tersebut. Susanto (2014) melihat pembangunan semula Aceh selepas tsunami layak diberi penghargaan jika dilihat dari kecepatannya. Namun, pembinaan semula Aceh tidak mengubah secara mendasar perspektif kita untuk membina bandar yang lebih tahan menghadapi bencana. Padahal, Aceh masih berpotensi dilanda

tsunami lagi. Penempatan baharu yang dibina betul-betul di daerah yang dahulu pernah dilanda tsunami menunjukkan Aceh tak banyak berubah. Selanjutnya Mangkusubroto (2014) menyatakan bahawa tidak ada ketentuan lokasi pembinaan semula rumah penduduk. Lebih lanjut Bonasir (2014) mendapati banyak penduduk bertegas menduduki semula kampung mereka. Ini berlaku disebabkan pelbagai alasan; pertama penyelesaian dari pemerintah tidak jelas, tidak ada, tidak ada rumah lain, tempat tinggal lain dan pekerjaan lain juga tidak ada. Yang kedua, mereka amat memerlukan tempat tinggal dan pekerjaan untuk hidup. Alasan peribadi sebagai landasan utama masyarakat kalau jika sudah ajal, maka tidak penting dimana-mana tempat akan berlaku. Ini merupakan alasan psikologi yang tertinggi yang menunjukkan kepasrahan diri atau berserah diri terhadap yang Maha Kuasa.


Hal ini adalah asas bagi kajian implikasi sosial yang dijalankan berkaitan kesesuaian penempatan, terutamanya di kawasan-kawasan yang tidak sesuai untuk kawasan penempatan hasil daripada kajian fizikal persekitaran dan bencana. UNEP (2007) menyatakan bahawa pembinaan semula (*reconstruction*) yang berterusan adalah sebuah pendekatan bersepadu bagi pembinaan semula meliputi alam sekitar, teknikal, ekonomi dan sosial.

Secara ringkasnya mengikut isu diatas maka dapat dibuat kesimpulan menjadi soalan kajian. Soalan kajian ini terdiri daripada:

1. Adakah bersesuaian kawasan penempatan dan persekitaran yang telah dibina dengan keadaan semasa secara fizikal persekitaran?
2. Bila dikaitkan peluang bencana yang kemungkinan terjadi di Bandar Banda Aceh, adakah kawasan penempatan tersebut selamat?
3. Jika tidak selamat, Apakah sikap kesedaran, alasan dan persepsi masyarakat yang menghuni, membina kawasan tersebut?

4. Sebaiknya kawasan yang tidak bersesuaian tersebut, Apakah ianya boleh dirancang untuk menguragi risiko?

Berdasarkan huraian permasalahan (isu dan soalan) maka kajian yang bersepadu perlu dilakukan. Isu dan soalan kajian ini ditunjukkan menerusi carta alir yang pada Rajah 1.10.



Rajah 1.10: Carta Alir Isu, Soalan dan Objektif Kajian

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti aspek-aspek fizikal asas persekitaran termasuklah kesesuaian tanah dan air untuk kawasan penempatan di Banda Aceh.
2. Mengenal pasti lokasi yang berisiko terhadap bencana untuk kawasan penempatan di Banda Aceh.
3. Mengkaji tahap kesedaran, alasan dan persepsi penduduk yang menempati kawasan tidak bersesuaian untuk penempatan.
4. Mencadangkan rancangan pelan bersepadu kawasan penempatan guna mengurangkan risiko pada kawasan tidak bersesuaian.

1.4 Sumbangan Kajian

Bekas Kepala Badan Pembinaan Semula dan Pemulihan Aceh (BRR NAD-Nias) Kuntoro Mangkusubroto mengakui tidak ada ketentuan lokasi pembinaan semula rumah penduduk (Bonasir, 2014). Pembangunan perumahan dilakukan sesegara untuk memindah mangsa ke rumah kekal (Steinberg, 2007). Kajian (Novendra, 2014) menyatakan bahawa sebaiknya kawasan 300 meter dari tepi pantai. Bencana seperti gempa bumi dan diriangi tsunami menyebabkan gelombang perubahan mendadak dan besar dalam morfologi pantai dataran rendah (Umitsu, Tanavud & Patanakanog, 2007; Meilianda *et al.*, 2010). Secara normal pun zon pesisir bersifat dinamik dan berubah sangat cepat (Newton & Icely, 2008). Pembangunan bandar Banda Aceh, sangat pesat selepas tsunami tahun 2004. Berdasarkan perubahan penggunaan tanah antara tahun 2005 dan 2009, pertumbuhan kawasan terbina purata mencapai 19.85 peratus per tahun. Hasil ini adalah kerana banyak masyarakat yang terkena impak bencana yang memerlukan kemudahan perumahan dan infrastruktur dan jumlah pendatang ke Banda Aceh (Achmad *et al.*, 2015). Secara mentaliti mangsa

tsunami Aceh lebih tegar, hal ini sangat disokong oleh sikap kepasrahan (Bonasir, 2014). Kajian lebih lanjut oleh Utary dan Uyun (2006) mendapati bahawa ketabahan mangsa tsunami di Aceh sangat tinggi hal ini dipengaruhi oleh faktor dalaman (nilai dan pengalaman spiritual, personaliti dan perasaan) dan faktor luaran seperti sokongan keluarga dan kejiranan. Keadaan ini berbeza dengan tsunami Sendai Jepun 2011, walau secara tehnikal lebih baik tetapi masyarakat mengalami trauma berpanjangan sehingga kini (Arnita & Fitriana, 2015). Oleh itu kajian ini secara keilmuan diharapkan untuk mengisi dan melingkupi secara konprehensif guna memberikan sumbangan kesesuaian kawasan penempatan dengan bersepadu (persekitaran, fizikal, ekologi dan sosial) pada kawasan selepas bencana.

Majlis perbandaran Aceh (BAPPEDA Aceh) menyatakan bahawa wilayah terdedah bencana terhad untuk pembinaan (Susanto, 2014). Untuk tsunami, luas wilayah pesisir yang harus dikosongkan adalah 500 meter hingga 1 kilometer dari garis pantai. Namun, peraturan itu tidak boleh dilaksanakan kerana pelbagai hal (Susanto, 2014). Akibatnya kebanyakan warga membina di kawasan yang dahulu mengalami tsunami. Pelaksanaan rencana umum tata ruang (RUTR) juga terhad disebabkan keterbatasan data, perbezaan kepentingan antara wilayah dan konflik dengan warga. Oleh itu kajian ini juga diharapkan akan memberikan sumbangan yang bermanfaat kepada kerajaan Aceh khasnya Banda Aceh. Ianya sebagai bahan pertimbangan untuk membuat perancangan ruang (*spatial planning*) yang berhubung kait dengan pengembangan kawasan penempatan berasaskan bencana dan keselarasan dengan masyarakat untuk jangka pendek dan panjang.

Bagi masyarakat pula kajian ini dapat memberikan sumbangan sebagai maklumat untuk perkembangan bandar dan persiapan pengurangan risiko bencana manakala bagi pemaju, kajian ini akan dapat menjadi sumber alternatif dalam

melaksanakan perancangan pembangunan perumahan. Sebagai sumbangan ilmu, kajian ini diharapkan dapat menjadi bahan rujukan dan wacana maklumat bagi penelitian selanjutnya, terutamanya yang berhubung kait dengan pengembangan kawasan perumahan dan kawasan penempatan berasaskan bencana. Bagi penyelidik, kajian ini dapat digunakan sebagai sumber ilmu dan kajian bagi merancang suatu kawasan. Secara keseluruhan ataupun sebahagiannya kajian ini dapat digunakan untuk projek penyelidikan untuk masa hadapan. Akhir sekali, secara amnya kajian ini dapat dijadikan rujukan oleh mana-mana pihak untuk merancang kawasan penempatan yang berisiko rendah untuk dilanda bencana dan sesuai dengan persekitaran dan masyarakat tempatan.

1.5 Skop dan Limitasi Kajian

Skop kajian hanya bertumpu di bandar Banda Aceh. Skop kajian mengikut parameter dalam penyelidikan ini terbahagi kepada dua bahagian. Skop kajian yang diuraikan di dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada objektif mengikut parameter. Bahagian pertama ialah kesesuaian kawasan penempatan berdasarkan aspek fizikal persekitaran. Aspek fizikal persekitaran untuk kawasan penempatan dibahagikan lagi kepada beberapa pemboleh ubah iaitu kontur, tanah dan air. Selanjutnya bahagian kedua lokasi kawasan penempatan yang selamat ditinjau daripada aspek bencana yang berpotensi terjadi di Banda Aceh seperti banjir, gempa bumi dan tsunami.

Bahagian ketiga akan melihat implikasi sosial penduduk yang menduduki kawasan penempatan di Banda Aceh. Implikasi sosial yang dilihat adalah seperti kesedaran, alasan dan persepsi penerimaan penduduk di kawasan tersebut sebagai kawasan penempatan. Implikasi sosial ini difokuskan kepada kawasan yang tidak sesuai untuk kawasan penempatan yang disyorkan daripada bahagian pertama dan

kedua atau kedua-duanya. Adapun bahagian keempat mencadangkan pelan ideal untuk kawasan penempatan mempertimbangkan bahagian satu, dua dan tiga.

Limitasi atau bahagian yang tidak akan disentuh dalam kajian ini ialah kualiti di kawasan penempatan seperti kualiti rumah, rekaan dan bahan binaan rumah.


1.6 Organisasi Kajian

Kajian ini mengandungi lapan bab. Rangka kerja bagi setiap bab ditunjukkan menerusi carta alir pada Rajah 1.11. Bab satu mengkaji tentang latar belakang penyelidikan, isu-isu yang akan dijawab, objektif dan sumbangan kajian. Bab dua menerangkan kesusasteraan kajian literatur yang diperoleh daripada jurnal, koleksi artikel, laporan, buku-buku teks dan sumber-sumber lain yang berkaitan dengan penyelidikan. Bab tiga memberi gambaran tentang lokasi kajian. Bab ini bermula tentang Banda Aceh sebagai lokasi kajian, sejarah, keadaan fizikal, iklim hingga struktur penduduk Banda Aceh.

Bab empat pula mengandungi rangka kerja konsep dan kaedah yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian, pemboleh ubah yang digunakan, kaedah dan teknik analisis data, serta alat analisis yang digunakan. Bab ini turut memberikan maklumat tentang masa dan tempat kajian.

Bab-bab seterusnya adalah hasil daripada tafsiran, kajian dan analisis data. Tema adalah berdasarkan objektif kajian. Bab lima menerangkan penilaian kesesuaian tanah untuk kawasan penempatan berdasarkan aspek fizikal persekitaran. Bab enam mengenal pasti keselamatan lokasi untuk kawasan penempatan daripada aspek bencana yang berpotensi berlaku di Banda Aceh. Bab tujuh menerangkan dan membincangkan implikasi sosial daripada masyarakat yang tinggal di kawasan yang tidak sesuai dijadikan sebagai kawasan penempatan.

Bab lapan yang merumuskan dapatan kajian yang telah dihuraikan dalam bab lima, enam, dan tujuh. Dalam bab ini mencadangkan pelan yang bagi kawasan penempatan yang tidak bersesuaian guna mengurangkan risiko daripada bencana. Yang terakhir ialah bab sembilan yang merumuskan dapatan kajian yang telah dihuraikan dalam bab lima, enam, tujuh dan lapan.



Rajah 1.11: Carta Alir Organisasi Kajian

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Guna Tanah Kawasan

Guna tanah kawasan merupakan wujud fizikal daripada objek-objek yang menutupi tanah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti manusia pada sebidang tanah. Guna tanah kawasan umumnya disesuaikan dengan tujuan setiap pengguna sama ada individu ataupun organisasi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pemetaan tanah (Malingreau & Cristiani, 1982; Lillesand, Kiefer & Chipman, 2015). Perubahan pada penggunaan tanah adalah berubah-ubah mengikut ruang dan waktu kerana tanah itu adalah sumber semula jadi dan elemen yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Secara kasar, guna tanah kawasan bandar dibahagikan kepada tanah terbangun dan tanah tak terbangun. Tanah terbangun terdiri daripada perumahan, kawasan industri, kawasan perdagangan, pusat perkhidmatan dan pejabat manakala tanah tak terbangun digunakan untuk aktiviti bandar (rekreasi, ruang terbuka). Kajian ini hanya memfokuskan kawasan penempatan atau perumahan. Kawasan penempatan dan perumahan merupakan salah satu keperluan asas untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat (KPKT, 2013), sehinggakan ia telah diiktiraf sebagai hak asasi manusia (UN HABITAT, 2009b; Weinstein, 2012).

2.1.1 Kawasan Penempatan

Penempatan merujuk kepada suatu tempat atau tempat orang ditempatkan, sama ada hasil sebuah rancangan atau tidak. Merujuk undang-undang, kawasan penempatan merupakan suatu kawasan persekitaran yang berfungsi sebagai tempat tinggal atau tempat kegiatan yang menyokong kehidupan dan penghidupan (UU RI, 2011). Undang-undang tersebut seterusnya menyatakan bahawa di kawasan